

Media Title : Utusan Borneo (Sarawak)  
Headline : Pelan Pemerkasaan Gerak Kerja KRT 2022 panduan kepada KRT di Sarawak  
Date : 31 May 2022  
Page : 2



UNTUK ALBUM: Fatimah (empat kiri) merakamkan gambar bersama Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri Sarawak. Turut kelihatan Dirwana (tiga kiri).

## Pelan Pemerkasaan Gerak Kerja KRT 2022 panduan kepada KRT di Sarawak

**KUCHING:** Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri Sarawak memperkenalkan Pelan Pemerkasaan Gerak Kerja Kawasan Rukun Tetangga (KRT) 2022 sebagai panduan kepada 1,063 KRT di negeri ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata ini merupakan gerak kerja pertama dihasilkan sebagai panduan kepada pihak KRT dalam menjalankan program secara terancang serta mencapai objektif.

“Taklimat mengenai gerak kerja ini yang melibatkan tiga objektif, lima teras, 14 strategi dan tujuh kluster program sudah disampaikan kepada setiap pengurus jawatankuasa KRT di Sarawak.

“Gerak kerja ini adalah penting, supaya pengurus dan jawatankuasa dapat merancang program yang bersesuaian dengan keperluan

kawasan masing-masing dan yang paling penting mencapai objektif,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri Sarawak di pejabatnya di Tingkat 8, Bangunan Baitulmakmur II di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Datuk Rosey Yunus dan Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Sarawak Dirwana Azool.

Ujar Fatimah lagi, aspek perpaduan sangat penting kerana tanpa perpaduan sukar bagi sesebuah kerajaan untuk memberi tumpuan kepada agenda memajukan negeri dan mensejahterakan rakyat.

“Hal berkaitan perpaduan tidak boleh diambil mudah kerana perpaduan tidak datang sendiri, ia perlu dipupuk

dan dipelihara agar terus berkekalan.

“Sebab itu kita melihat Jawatankuasa Tindakan Perpaduan ini sangat penting sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri,” ujarnya.

Sementara itu Dirwana berkata daripada 1,063 KRT yang ada di negeri ini tidak semua aktif di mana 29 daripadanya adalah tidak aktif.

Sebab itu katanya, jabatan telah mengatur strategi bagaimana dapat membantu memperkasakan kembali KRT yang tidak aktif ini.

“Menteri Perpaduan Negara Datuk Halimah Mohamed Sadique tidak menggalakkan penutupan KRT yang tidak aktif.

“Penubuhan KRT memerlukan kelulusan menteri dan digazetkan sebab itu kita akan cuba membantu KRT yang tidak aktif ini kembali aktif daripada ditutup,” katanya.